



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**



PENGUAT kuasa KPDN menemui beberapa kotak berisi minyak masak paket yang disimpan di stor sebuah restoran di Kuala Lumpur kelmarin.

Letak barang kawalan dalam stor berkunci

Restoran sorok 260 kg minyak masak paket

Oleh AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Tindakan sebuah restoran yang menyimpan bekalan minyak masak paket dalam kuantiti banyak mengundang padah apabila diserbu penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur di sini kelmarin.

KPDN dalam kenyataan berkata, pihaknya menerima aduan mengenai restoran berkenaan yang menerima bekalan minyak masak paket daripada sebuah

lori dalam kuantiti yang banyak.

"Susulan itu, satu serbuan dilakukan pada pukul 5 petang menerusi Op Kita Gempur membawa kepada rampasan sebanyak 260 kilogram minyak masak paket dari sebuah restoran.

"Restoran ini didapati menyimpan minyak masak paket melibatkan dua jenama di salah satu stor berkunci di bahagian dapur," katanya semalam.

Tambah kenyataan itu, pemborong yang membekalkan minyak masak paket tersebut telah dikenal pasti melalui dokumen

penjualan yang turut disita.

Menurutnya, pemeriksaan susulan mendapati, restoran berkenaan tidak mempunyai permit untuk menyimpan barang kawalan bagi kegunaan perdagangan di bawah Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Tindakan tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Satu kertas siasatan telah dibuka terhadap restoran dan pemborong barang kawalan berkenaan," katanya.



TINDAKAN sebuah restoran di ibu kota menyimpan dan menyembunyikan bekalan minyak masak peket bersubsidi di sebuah stor terbongkar selepas diserbu KPDN.

MINYAK MASAK PEKET BERSUBSIDI: RESTORAN DI IBU KOTA DISERBU KPDN

Banyak sangat sampai curiga

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan sebuah restoran di sini menyembunyikan minyak masak peket bersubsidi dalam kuantiti banyak di sebuah stor di premisnya terbongkar dalam serbuan Ops Kita Gempur pada Jumaat lalu.

Dalam operasi pada jam 5 petang itu, sebanyak 260 kilogram (kg) minyak masak peket bernilai RM650 turut disita.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata, operasi dilakukan hasil aduan

diterima pihaknya membabitkan premis itu menerima bekalan minyak masak peket daripada sebuah lori *bonded* dalam kuantiti yang banyak.

Menurutnya, susulan itu pihaknya menjalankan pemeriksaan dan mendapati bekalan mentah itu disimpan dalam stor ber-kunci di bahagian dapur premis terbabit.

"Pekerja premis diarahkan membuka kunci stor namun dimaklumkan kunci dipegang pengurus restoran sebelum seorang lelaki tempatan tiba bagi membuka bilik itu.

"Pemeriksaan lanjut

menemui minyak masak peket dalam stor berkenaan yang kemudiannya bahan mentah itu disita.

"Pemborong yang membekalkannya juga sudah dikenal pasti melalui dokumen penjualan yang turut disita," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, restoran berkenaan tidak mempunyai permit menyimpan barang kawalan bagi kegunaan perdagangan mengikut Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan ia adalah kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Pemborong yang membekalkan minyak masak peket sudah dikenal pasti KPDN

HARI: ISNIN

TARIKH: 11/11/2024

M/SURAT: 1

餐館被查捉到正 偷囤包裝食油全充公



执法官员在餐厅厨房的储藏室发现大量的包装食用油。（KPDN WPKL提供）



执法官员从行动中充公260公斤，价值650令吉的包装食用油。（KPDN WPKL提供）

（八打灵再也10日讯）国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局日前针对首都一间餐厅向“保税”罗里（lori bonded）收取大量包装食用油的投诉，展开“反操纵和泄密行动”（KITA GEMPUR）。

执法人员在初步检查发现，该投诉的来源属实，且该餐厅是将这些包装食用油“储藏”在厨房中上锁的储藏室。

当局指出，他们在该储藏室发现260公斤，涉及两个品牌和价值650令吉的包装食用油。

所有包装食用油已被充公，供应食用油的批发商也通过被没收的销售文件查明。

包装食油仅供家庭使用

“后续调查发现，该餐厅没有遵守1974年《供应控制条例》第18条文，在没有准证的情况下储存管制物品用于商业用途，这已经触犯1961年统制品法令。”

当局表示，他们立案对餐馆和批发商展开调查，尤其该贸消部委颁发管制商品准证的管制物品商家对市场销售的包装食用油，其实仅供家庭用户使用。

“在1961年统制品法令下，一旦罪成，个人可被罚不超过100万令吉或监禁不超过3年或两者兼施；商铺组织可被罚不超过200万令吉，若商铺组织二次或多次犯错，则将被罚不超过500万令吉。”

民众若有投诉或情报提供，可通过投诉官网（<https://eaduan.kpdn.gov.my>）、热线（1800-886-8000）、电邮（e-aduan@kpdn.gov.my）、手机应用程序（EZ ADU KPDN）、执法部（03-8882 6088/6245）或WhatsApp（019-279 4317）方式来联络该部。



国内贸易及生活费部联邦直辖区吉隆坡分局日前在接获投诉后到首都的一间餐厅展开“反操纵和泄密行动”。（KPDN WPKL提供）



餐館非法囤积260公斤補貼食油

■一家餐馆非法囤积260公斤补贴食用油被取缔。

(吉隆坡10日讯) 餐馆非法囤积260公斤补贴食油!

根据《Kosmo》报道，国内贸易及生活成本部（KPDN）吉隆坡分局，日前接获投报，指一家餐馆从一辆罗厘收到大量补贴食油。

当局于周五展开“反操纵和泄密群众运动”（KITA GEMPUR）执法行动，突袭该餐馆仓库，成功搜获260公斤，总值650令吉的补贴食油，并全数充公。

该餐厅没有商业用途管制商品的许可证，违反1974年供应控制条例第18条文。

“这些补贴食油来自2个不同品牌，被藏在该餐馆厨房区域一个上锁的仓库里。”

当局将援引1961年供应控制法令，向餐馆和食油供应商展开调查。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Haramkan penjualan aksesori berbahaya dalam kenderaan

MIROS syor isytihar sebagai barang larangan elak risiko kematian akibat kemalangan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mengesyorkan, aksesori berbahaya yang digunakan dalam kenderaan persendirian dan komersial termasuk *dummy buckle* iaitu alat nyah aktif penggera tali pinggang keledar, diharangkan penjualannya dalam pasaran dengan diisyiharkan sebagai barang larangan.

Ketua Pengarah MIROS, Siti Zaharah Ishak, berkata ini kerana trend penggunaan aksesori itu yang dikesan bermula pada 2017, dilihat semakin menjadi-jadi bagi mereka yang ingin mengelak menggunakan tali pinggang keledar, sehingga berisiko menyebabkan kematian sekitarannya terbabit kemalangan.

Beliau berkata, MIROS sudah

Eksklusif

mengangkat perkara berhubung aksesori berbahaya digunakan oleh pengguna jalan raya melalui pembentangan kertas kerja di peringkat Kementerian Pengangkutan (MOT).

Katanya, ia adalah bagi memastikan perkara ini dilihat secara holistik bersama dengan kementerian berkaitan lain iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hadapan (KPDN).

"Kita dalam proses kerana MIROS sememangnya menyarankan supaya aksesori ini diharamkan penjualannya sama ada secara fizikal mahupun dalam talian menerusi platform e-dagang.

"Hasilnya MOT sedang meneliti dan bekerjasama dengan KPDN untuk melakukan perniatkuasaan bersama dalam aspek penjualannya.

"Pengesyoran kita sudah diangkat, MIROS mengesyorkan supaya KPDN mengisyiharkan *dummy buckle* sebagai barang larangan dan kementerian itu juga mencadangkan usaha berkenaan dilakukan secara bersama de-

ngan agensi di bawah MOT," katanya kepada *BH*, di sini.

Antara aksesori dikenal pasti berbahaya oleh MIROS ialah Selain *dummy buckle* atau alat nyah aktif penggera tali keledar, antara aksesori lain dikenal pasti berbahaya oleh MIROS ialah kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) mudah alih, lapisan cermin gelap pekat dan penggunaan lampu utama serta belakang yang diubah suai.

Pada 2020, *BH* pernah melaporkan pelbagai aksesori kenderaan yang menjadi kegilaan pemandu kini, hanya kerana mudah dipasang dan kelihatan cantik, tanpa menyedari ia berisiko mencetuskan kemalangan dan meragut nyawa sendiri.

Siti Zaharah berkata, MIROS terbabit dalam siasatan kemalangan yang membatkan dua kematian di lokasi naikas, dan daripada situ, pihaknya menggesa wujudnya penggunaan *dummy buckle* pada beberapa kes.

Risiko beg udara tak fungsi

Katanya, penggunaan *dummy buckle* yang turut dijadikan alasan sebagai 'penyambung' tali pinggang keledar berisiko menyebab-

kan beg udara tidak berfungsi berikutkan alat itu yang sifatnya mudah tercabut.

"Berdasarkan siasatan kita sebelum ini, ada beberapa kes kemalangan maut membabitkan penggunaan *dummy buckle* di sana termasuk di Port Dickson, Negeri Sembilan, pada 2017, iaitu sebuah kereta merempuh pembagai jalan dan menyebabkan pemandunya tercampak keluar.

"Pada 2018 kemalangan di Gua Musang, sebuah kenderaan terbabas menyebabkan tiga kematian juga ada penggunaan *dummy buckle*, selain kes kemalangan maut pada 2020 membabitkan pertembungan dua kenderaan.

"Ketika siasatan sukar juga untuk kita kesan kerana *dummy buckle* ini boleh tercampak ketika perlanggaran berlaku namun ia jelas menunjukkan bahawa penggunaannya amat buruk kepada pengguna jalan raya," katanya.

Berdasarkan kaji selidik MIROS membabitkan 326 responden sebelum ini, Siti Zaharah berkata, 13 peratus daripada mereka mengaku menggunakan *dummy buckle*.

Beliau berkata, manakala 87

peratus pula bersetuju bahawa aksesori ini sepatutnya diharamkan di negara ini.

Katanya, berdasarkan ujian perlanggaran dilakukan MIROS, impak perlanggaran akibat penggunaan *dummy buckle* ketika kemalangan berlaku adalah sama seperti mereka yang tidak mengenakan tali pinggang keledar.

"Sedangkan pemakaian tali pinggang keledar dapat mengurangkan risiko kematian atau kecederaan serius sehingga 50 peratus, terutama dalam perlanggaran hadapan bagi pemandu dan penumpang hadapan," katanya.

Berhubung penjualan aksesori itu platform e-dagang, pihaknya sudah menjalinkan kerjasama dengan pengendali platform pada Jun lalu dan kebanyakan bersetuju untuk melarang penjualannya.

"Namun mereka memerlukan punca kuasa untuk melakukannya dan bersedia untuk melarang penjualannya, namun bagi penjualan fizikal di keda, ia di bawah bidang kuasa KPDN.

"Selain itu, antara taktik penjual di platform e-dagang yang kita kenal pasti ialah mereka turut menggunakan lebih 10 kata kunci lain selain *dummy buckle* untuk mengaburi seperti *alarm stopper* (alat henti penggera) dan *seatbelt click extender* (pemanjangan tali pinggang keledar)," katanya.



Siti Zaharah Ishak

Hip

Tiga inisiatif baharu basmi cetak rompak digital

Pemantauan AI, penggunaan ‘watermark’ dan kempen kesedaran sebagai langkah kawalan

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Digital Content Piracy menerusi sesi kedua menggariskan tiga inisiatif bakal dilaksanakan untuk membantah cetak rompak digital yang semakin berleluasa ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Datuk Azmir Saifuddin Mutalib yang mempengariskan mesyuarat itu menjelaskan tiga perkara itu adalah membuat pemantauan melalui kaedah teknologi kecerdasan buatan (AI), penggunaan ‘watermark’ yang tidak kelihatan supaya boleh kesan daripada mana sumber filem cetak rompak mula ditayangkan.

“Turut dicadangkan mengenai penggunaan ‘watermark’ yang tidak kelihatan supaya boleh kesan daripada mana sumber filem cetak rompak mula ditayangkan.

“Selain itu, kami juga akan buat program promosi seperti terbitkan video khidmat pesanan masyarakat (PSA) berkaitan cetak rompak digital,” katanya kepada HIP.

Mesyuarat diadakan di FINAS, Petaling Jaya itu turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya, Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad atau Alfiomet.

Yang turut serta, wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber-

terdekat kami akan keluarkan kertas kerja untuk dapatkan gambaran lebih jelas mengenai penggunaan AI.

security Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) serta dua stesen penyiaran, Media Prima Berhad dan Astro.

Terbit video pendek PSA

Azmir menambah, penerbitan video kempen kesedaran bakal menjadi langkah permulaan jawatankuasa dalam usaha membantah cetak rompak digital.

“Mesyuarat sudah memutuskan untuk terbitkan dua video pendek PSA. Bukan setakat uaraukan di kaca televisyen (TV) dan pawagam, tetapi juga melalui media sosial.

“Insya-Allah, kami akan keluarkan kempen berkaitan cetak rompak digital dan usaha akan dibuat secara berterusan, tahun ini.

“Selain itu, terdapat juga cadangan menggunakan khidmat selebriti untuk bercakap mengenai

nai jenayah siber ini.

“Adalah lebih bagus jika selebriti sendiri bercakap mengenai isu ini kerana mereka adalah antara yang terkesan apabila hasil pendapatan terjejas berikutan cetak rompak digital.

“Media Prima dan Astro juga sedia bekerjasama kerana mereka ada filem mega yang bakal ditayangkan, tidak lama lagi,” jelasnya.

Sementara itu, mesyuarat berkenaan turut mendahului laporan statistik mengenai jumlah pautan yang dapat dikesan dan berjaya diturunkan mengikut platform digital antara 2021 hingga 2024.

Berdasarkan laporan tersebut, aplikasi Telegram dilihat sebagai platform terbesar yang cukup aktif menjalankan aktiviti cetak rompak digital berbanding medium lain seperti Facebook, Google Drive, YouTube dan TikTok yang

jumlah pautan dikesan semakin menunjukkan pengurangan.

Sebanyak 55 jumlah pautan di kesan di Telegram dan hanya 30 jumlah pautan berjaya diturunkan sehingga September tahun ini.

Mengulas perkara itu, Azmir mengakui, Telegram adalah cabaran terbesar buat jawatankuasa dalam usaha menangani masalah cetak rompak digital.

“Dulu Facebook menjadi keutamaan untuk orang ramai dapat kandungan cetak rompak, namun sejak kebelakangan ini kandungan diperoleh melalui penstriman dan Telegram.

“Seperti diketahui, dalam banyak-banyak platform, Telegram paling terbuka dan apa sahaja kandungan berbentuk definisi tinggi (HD) yang berdurasi dua hingga tiga jam semuanya boleh dimuat naik berbanding platform lain yang ada banyak limitasi.

“Disebabkan itu, penonton sudah beralih ke Telegram untuk dapatkan kandungan secara tidak sah. Seperti yang kita dimaklumkan, Telegram tidak didaftarkan dan tiada pejabat.

“Difahamkan, cara kerja mereka juga tidak menggunakan alamat protokol internet (IP). Bagaimanapun, SKMM ada maklumkan akan ada akta baharu yang akan pastikan semua platform lamar sembang termasuk Telegram perlu berdaftar dengan SKMM terlebih dahulu.

“Kita tengok Januari tahun depan sama ada Telegram akan mendaftar atau tidak. Walaupun tindakan ini bukanlah jaminan untuk tidak berlaku cetak rompak dalam platform berkenaan, namun sekurang-kurangnya boleh kesan sumber untuk dihubungi jika ia terjadi,” jelas Azmir.



Azmir mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Digital Content Piracy bersama ahli jawatankuasa di FINAS, Petaling Jaya, baru-baru ini.

(Foto Instagram finasmalaysia)





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 NOVEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Nov	KPDN P.Pinang bongkar warga asing jual barang kawalan	https://themalaytribune.com/kpdn-p-pinang-bongkar-warga-asing-jual-barang-kawalan/	THE MALAY TRIBUNE
11-Nov	KPDN P.Pinang bongkar warga asing jual barang kawalan	https://malaysiaga-zette.com/2024/11/08/kpdn-p-pinang-bongkar-warga-asing-jual-barang-kawalan/	MALAYSIA GAZETTE
11-Nov	KPDN kesan warga asing jual barang kawalan tanpa lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kpdn-kesan-warga-asing-jual-barang-kawalan-tanpa-lesen/	UTUSAN MALAYSIA
11-Nov	Lelaki Bangladesh aktif seleweng minyak masak paket dicekup	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1321235/lelaki-bangladesh-aktif-seleweng-minyak-masak-paket-dicekup	BERITA HARIAN
11-Nov	Lelaki Bangladesh seleweng minyak masak peket dicekup	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1152704/lelaki-bangladesh-seleweng-minyak-masak-peket-dicekup	HARIAN METRO
11-Nov	Kita Gempur: KPDN Pulau Pinang rekod 121 kes dengan nilai rampasan lebih RM100,000	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kita-gempur-kpdn-pulau-pinang-rekod-121-kes-dengan-nilai-rampasan-lebih-rm100-000-495377	ASTRO AWANI
11-Nov	Kita Gempur: Penang KPDN nets 121 cases, over RM100,000 in seizures	https://thesun.my/malaysia-news/kita-gempur-penang-kpdn-nets-121-cases-over-rm100000-in-seizures-MF13258675	THE SUN
11-Nov	Kita Gempur: KPDN Pulau Pinang rekod 121 kes dengan nilai rampasan lebih RM100,000	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kita-gempur-kpdn-pulau-pinang-rekod-121-kes-nilai-rampasan-lebih-rm100-000	BERITA RTM

11-Nov	KITA GEMPUR: KPDN PU LAU PINANG REKOD 121 KES DENGAN NILAI RAM PASAN LEBIH RM100,000	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2361007	BERNAMA
11-Nov	KPDN cadang perkenal nombor kelompok atasi penyeludupan minyak masak ke Thailand	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kpdn-perkenal-nombor-kelompok-atasi-penyeludupan-minyak-masak-ke-thailand/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
11-Nov	Dua Kilang proses ayam salah guna permit simpan gas LPG	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1152772/dua-kilang-proses-ayam-salah-guna-permit-simpan-gas-lpg	HARIAN METRO
11-Nov	Peniaga warga asing goreng ketam rangup di dapur kotor	https://malaysiagazette.com/2024/11/08/peniaga-warga-asing-goreng-ketam-rangup-di-dapur-kotor/	MALAYSIA GAZETTE
11-Nov	Program My Gaya Month jana hasil RM1 juta	https://www.kosmo.com.my/2024/11/08/program-my-gaya-month-jana-hasil-rm1-juta/	KOSMO
11-Nov	Audit GLIC pastikan dana awam diurus dengan betul, laksana 'penilaian wajar'	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1321180/audit-glic-pastikan-dana-awam-diurus-dengan-betul-laksana-penilaian#google_vignette	BERITA HARIAN
11-Nov	Negeri Sembilan peroleh hak cipta motif bunga lada	https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/negeri-sembilan-peroleh-hak-cipta-motif-bunga-lada/	UTUSAN MALAYSIA
11-Nov	Caj RM1 bilik berhawa dingin: Restoran nasi lemak terkenal tidak lakukan kesalahan	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153551/caj-rm1-bilik-berhawa-dingin-restoran-nasi-lemak-terkenal-tidak-lakukan	HARIAN METRO
11-Nov	Tiada kesalahan bilik berhawa dingin RM1 restoran nasi lemak terkenal Kampung Baru – KPDN	https://www.kosmo.com.my/2024/11/10/tiada-kesalahan-bilik-berhawa-dingin-rm1-restoran-nasi-lemak-terkenal-kampung-baru-kpdn/	KOSMO
11-Nov	Restoran nasi lemak caj RM1 bagi bilik berhawa dingin ikut SOP	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/restoran-nasi-lemak-caj-rm1-bagi-bilik-berhawa-dingin-ikut-sop/	UTUSAN MALAYSIA

11-Nov	KPDN bongkar taktik sembunyi minyak masak peket	https://www.sinarharian.com.my/article/695765/berita/semasa/kpdn-bongkar-taktik-sembunyi-minyak-masak-peket	SINAR HARIAN
11-Nov	Restoran ‘sorok’ 260kg minyak masak peket kena serbu	https://www.kosmo.com.my/2024/11/10/restoran-sorok-260kg-minyak-masak-peket-kena-serbu/	KOSMO
11-Nov	KPDN KL bongkar restoran sembunyi bekalan minyak masak	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1321951/kpdn-kl-bongkar-restoran-sembunyi-bekalan-minyak-masak	BERITA HARIAN
11-Nov	KPDN siasat pemborong, restoran simpan bekalan minyak masak peket	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1153379/kpdn-siasat-pemborong-restoran-simpan-bekalan-minyak-masak-peket	HARIAN METRO
11-Nov	Restoran sorok bekalan minyak masak paket dibongkar KPDN WPKL	https://www.buletintv3.my/nasional/restoran-sorok-bekalan-minyak-masak-paket-dibongkar-kpdn-wpkl/	BULETIN TV3
11-Nov	Restoran sembunyi bekalan minyak masak tumpas	https://www.utusan.com.my/terkini/2024/11/restoran-sembunyi-bekalan-minyak-masak-tumpas/	UTUSAN MALAYSIA
11-Nov	Terengganu disaran paten ikan celup tepung	https://www.kosmo.com.my/2024/11/10/terengganu-disaran-paten-ikan-celup-tepung/	KOSMO
11-Nov	Terengganu disaran patenkan produk ikan celup tepung	https://www.sinarharian.com.my/article/695756/edisi/terengganu/terengganu-disaran-patenkan-produk-ikan-celup-tepung	SINAR HARIAN
11-Nov	Terengganu disaran patenkan menu ikan celup tepung - MyIPO	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153481/terengganu-disaran-patenkan-menu-ikan-celup-tepung-myipo	HARIAN METRO
11-Nov	Terengganu disaran mematenkan ikan celup tepung sebagai harta intelek	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1322092/terengganu-disaran-mempatenkan-ikan-celup-tepung-sebagai-harta	BERITA HARIAN

11-Nov	MyIPO cadang daftar ikan celup tepung harta intelek Terengganu	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/myipo-cadang-daftar-ikan-celup-tepung-harta-intelek-terengganu-	ASTRO AWANI
11-Nov	MYIPO CADANG DAFTAR IKAN CELUP TEPUNG SE-BAGAI HARTA INTELEK TERENGGANU	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2361654	BERNAMA
11-Nov	Pejabat Satelit MyIPO pertama beroperasi di Terengganu	https://www.sinarharian.com.my/article/695777/edisi/terengganu/pejabat-satelit-myipo-pertama-beroperasi-	SINAR HARIAN
11-Nov	Warga asing pengotor goreng anak ketam kini 'ghaib'	https://malaysiagazette.com/2024/11/10/warga-asing-pengotor-goreng-anak-ketam-kini-	MALAYSIA GAZETTE